

Pesta Buku Batu Pahat galak budaya membaca

Sinar
23/9/2014

BATU PAHAT – Kumpulan Media Karangkraf (KMK) dengan kerjasama Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan mengadakan satu program yang memartabatkan budaya membaca.

Dengan tema 'Membaca@Batu Pahat', program berkenaan yang dikenali sebagai Pesta Buku Batu Pahat itu akan diadakan di Pusat Membeli-Belah Square One, bermula 26 hingga 29 September ini.

Penyelaras program, Siti Affifah Che Ismail berkata, ia dijangka bermula jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang empat hari dan akan memberi peluang kepada seluruh penduduk daerah ini mendekati ilmu.

Menurutnya, tujuan utama program itu adalah menjadikan landasan terbaik untuk memupuk budaya membaca selain mewujudkan pertemuan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dengan penduduk setempat.

"Membaca bukan sahaja kepada pelajar universiti atau IPT sahaja, semua orang perlu membaca. Maka di sinilah



Affifah (tengah) bersama pelajar UTHM menunjukkan poster Pesta Buku Batu Pahat dengan temanya Membaca@BP.

tempatnya sama ada pelajar, pekerja kilang, ibu bapa dan pengunjung akan bertemu di sini untuk membaca.

"Dengan membaca juga kita dapat menambah ilmu pengetahuan dan sebab itulah kami dari pihak Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM harapkan budaya membaca ini dapat diteruskan.

"Saya juga berharap dengan program ini dapat merapatkan hubungan UTHM dengan penduduk setempat, di mana sebelum ini setiap program kami dilaksana-

kan secara dalaman," katanya semalam.

Siti Affifah berkata, pelbagai aktiviti diadakan iaitu jom membaca 10 minit, temu mesra bersama penulis novel dan bedah buku bersama penulis 'Hebatnya Rasulullah: Teladan Peribadi dan Pengurusan Kekasih Allah'.

Katanya, aktiviti lain seperti pertandingan mewarna kanak-kanak, demo masakan chef selebriti, motivasi santai bersama Profesor Madya Mohd Nor Mamat dan Style Hijabi Demo Session.